

10 MAY 2003

Syed Hamid-Jerman

M'SIA KEMUKA PANDANGAN NEGARA ISLAM DAN MEMBANGUN KEPADA SCHROEDER

JOHOR BAHRU, 10 Mei (Bernama) -- Malaysia dijangka memberikan pandangan kepada Jerman mengenai beberapa isu semasa yang menyentuh negara Islam dan negara membangun sempena lawatan rasmi tiga hari Canselor Jerman Gerhard Schroeder ke negara ini mulai Isnin ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata, Malaysia yang dianggap sebagai negara Islam dan negara membangun yang berjaya, antara lain akan memberikan input mengenai isu Palestin, keganasan dan perkembangan semasa di Iraq serta implikasinya.

"Selain dilihat sebagai negara membangun yang berjaya... pada masa yang sama Malaysia dianggap negara Islam dan oleh itu pandangan dan pendapat kita terhadap isu-isu semasa dan cara menyelesaikannya akan menjadi input yang berguna semasa perbincangan antara pemimpin kita dengan pemimpin Jerman itu," katanya pada sidang media di sini.

Semasa lawatan itu, Schroeder dijadual mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disusuli perbincangan peringkat delegasi kedua-dua negara, katanya.

Sambil menganggap lawatan itu bersejarah dalam mempertingkatkan hubungan dua hala Malaysia-Jerman yang erat sejak dahulu lagi, Syed Hamid berkata lawatan ulung kali oleh seorang Canselor Jerman ke negara ini sangat baik dan tepat pada masanya.

Syed Hamid berkata lawatan itu tepat pada masa kerana ketika ini Malaysia menjadi Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang dianggotai 116 negara dan tidak lama lagi juga sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"...dan ketika Dr Mahathir juga telah dijemput untuk menghadiri perbincangan negara-negara G-8 dalam soal yang melibatkan negara-negara membangun," katanya.

Menteri Luar itu berkata masalah yang melibatkan negara membangun amat banyak dan Malaysia dilihat sebagai satu-satunya negara membangun yang berjaya selepas penjajahan dalam menyediakan hala tuju dan arahnya yang tersendiri yang membawa kejayaan kepada rakyat.

"Saya tengok daripada perkembangan ini orang melihat Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang boleh dicontohi, yang telah menunjukkan kebolehnya untuk mengurus negara dalam keadaan aman dan damai dan membawa keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum," katanya.

Schroeder juga, katanya, akan berucap pada ceramah umum anjuran Institut Diplomatik dan Perhubungan Luar Malaysia di ibu negara yang akan membolehkan Malaysia menimba pandangan dan pendapat beliau mengenai isu-isu antarabangsa dan serantau, serta menjawab beberapa soalan pada sesi dialog selepas itu.

Syed Hamid berkata hakikat yang Schroeder sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk membalas lawatan Dr Mahathir ke Jerman pada Mac lepas, menunjukkan pentingnya hubungan dua hala antara Malaysia dan Jerman.

Mengenai isu Palestin, keganasan dan situasi semasa di Iraq mendominasi perbincangan antara kedua-dua pemimpin, katanya, "Saya rasa input bagi hal-hal ini pasti berguna tetapi terpulang kepada pemimpin-pemimpin untuk membincangkannya."

Kedua-dua pemimpin itu juga akan berbincang mengenai isu-isu ekonomi dan perdagangan.

-- BERNAMA

MNY PR

